

**Garis Panduan Penyediaan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan
Galian Persekutuan**

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Putrajaya
2022

KANDUNGAN

KANDUNGAN	II
SINGKATAN	III
BAHAGIAN 1: PENGENALAN	1
Tujuan Garis Panduan Penyediaan Pekeliling	1
Definisi Pekeliling	1
Bilakah Pekeliling diperlukan?	1
Proses Perundingan Penyediaan Pekeliling	1
“Key Person” dalam Proses Penyediaan Pekeliling	2
Proses Kerja Tipikal Pindaan Perundangan	4
BAHAGIAN 2: PERSETUJUAN PEKELILING	5
Peringkat Persetujuan	5
Penyediaan Draf Pekeliling dan Kertas Kerja TKPTG-TPTG / PTM	5
Persetujuan Pekeliling	5
BAHAGIAN 3: PEMAKAIAN GARIS PANDUAN	7
LAMPIRAN A: SENARAI UNDANG-UNDANG DI BAWAH PORTFOLIO DAN KAWALAN JKPTG [MENGIKUT AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969 (PERINTAH MENTERI KERAJAAN-KERAJAAN PERSEKUTUAN (AKTA NO.2))]	A-1
LAMPIRAN B: GAMBAR RAJAH RANGKA KERJA UTAMA PENYEDIAAN PEKELILING	B-1
LAMPIRAN C: DRAF MEMO BAGI URUSAN PENGGUBALAN DRAF PEKELILING	C-1
LAMPIRAN D: DRAF KERTAS KERJA TKPTG-TPTG / PTM	D-1
LAMPIRAN E: FORMAT PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN	E-1
EDITORIAL PANDUAN PINDAAN PERUNDANGAN	

SINGKATAN

BT	–	Bahagian Tanah, Kementrian Tenaga dan Sumber Asli
JKPTG	–	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
JPN	–	Jabatan Peguam Negara
KPTG	–	Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
KSU	–	Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
MTN	–	Majlis Tanah Negara
KeTSA	–	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
PCP	–	Pegawai Mencadangkan Pekeliling
PSP	–	Pegawai Penyelaras Pekeliling
PTD	–	Pentadbir Tanah dan Daerah
PTG	–	Pengarah Tanah dan Galian
PTM	–	Mesyuarat Pengarah-pengarah Tanah Malaysia
TKPTG- TPTG	–	Mesyuarat Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian -Timbalan Pengarah Tanah dan Galian
PKP	–	Peguam Kanan Persekutuan
RUU	–	Rang Undang-undang
BDK	–	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

Tujuan Garis Panduan Penyediaan Pekeliling

- 1.1. Tujuan panduan ini disediakan bagi membantu pegawai dan kakitangan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) dalam merangka perancangan serta kaedah penyediaan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (PKPTG) yang seragam.

Definisi Pekeliling

- 1.2. Pekeliling bermaksud surat-surat rasmi tentang suatu perkara yang diedarkan untuk pengetahuan umum atau untuk tindakan pihak-pihak tertentu.
- 1.3. PKPTG disediakan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (KPTG) setelah mendapat persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri berkaitan pentadbiran Kanun Tanah Negara (Disemak – 2020) [Akta 828] selaras dengan subseksyen 8(1)(e).
- 1.4. Mana-mana perkara dari perundangan lain yang memberikan kesan kepada aspek-aspek pentadbiran pelaksanaan Akta 828 boleh dipertimbangkan untuk dikeluarkan PKPTG setelah dipersetujui dalam Mesyuarat Pengarah-pengarah Tanah Malaysia (PTM).

Bilakah Pekeliling diperlukan?

- 1.5. JKPTG harus menimbang sama ada sesuatu perkara berkaitan pelaksanaan peruntukan-peruntukan dalam Akta 828 yang tidak jelas atau memerlukan penjelasan lanjut atau semakan semula prosedur atau memerlukan penyelarasan pelaksanaan atau semasa pelaksanaan pindaan perundangan baru adalah sesuai dikeluarkan PKPTG.
- 1.6. PKPTG dikeluarkan bagi menasihati Pentadbiran Tanah Negeri dan bukannya untuk tujuan menasihati urusan pentadbiran atau pelaksanaan dalam JKPTG.

Proses Perundingan Penyediaan Pekeliling

- 1.7. Bagi menghasilkan suatu pekeling yang berkualiti, rundingan dan perbincangan (libat urus) mesti diadakan di antara pelbagai pemegang taruh seperti Pengarah-pengarah Tanah dan Galian, Pentadbir-pentadbir Tanah, Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Jabatan Peguam Negara, Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak-pihak

Bukan Kerajaan dan Ahli Akademik bagi mendapatkan pandangan isu sebenar dan kaedah penyelesaian dan tatacara pelaksanaan.

- 1.8. Jabatan Peguam Negara perlu dilibatkan dari peringkat awal sesuatu cadangan penyediaan PKPTG bagi mengelakkan berlakunya salah tafsir, salah persepsi dan implikasi negatif terhadap penjelasan peruntukan-peruntukan perundangan.
- 1.9. Bahagian-bahagian dalam JKPTG yang bercadang untuk menyediakan PKPTG perlu bertanggungjawab untuk merancang libat urus bersama pemegang-pemegang taruh berkenaan bagi membantu dalam penyediaan kertas dasar pindaan. Jangka masa yang munasabah perlu dirancang bagi pelaksanaan keseluruhan program libat urus dan penyediaan PKPTG.

“Key Person” dalam Proses Penyediaan Pekeliling

- 1.10. *Key person* yang disenaraikan di bawah ini memainkan peranan penting dalam sesuatu proses pindaan perundangan:—

Nama Jawatan	Gred	Tanggungjawab
Peguam Kanan Persekutuan JKPTG (PKP)	L52	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memberi nasihat dan pandangan dari segi perundangan dan interpretasi undang-undang kepada Bahagian-bahagian JKPTG yang mencadangkan PKPTG. 2. Menasihatkan Bahagian-bahagian JKPTG semasa peringkat penyediaan Kertas Pertimbangan TKPTG-TPTG / PTM dan juga merupakan penghubung utama JKPTG dengan Penasihat Undang-undang, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan Jabatan Peguam Negara.
Pegawai Penyelaras Pekeliling (PSP)	Sekurang-kurangnya M52 / M44 di Bahagian Dasar dan Konsultasi (BDK)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai di BDK yang bertanggungjawab:— <ol style="list-style-type: none"> (i) Menyemak format dan penyampaian dokumen draf pekeliing yang ingin dikeluarkan selaras dengan kedudukan Akta 828;

Nama Jawatan	Gred	Tanggungjawab
		<p>(ii) Menyediakan minit bebas kepada KPTG melalui Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan untuk tandatangan pekeliling setelah mendapat persetujuan dalam PTM.</p> <p>2. PSP bersama PCP bertanggungjawab dalam penggubalan PKPTG berasaskan input-input libat urus bagi penyediaan Kertas Pertimbangan kepada TKPTG-TPTG dan PTM.</p>
Pegawai Pencadang Pekeliling (PCP)	Sekurang-kurangnya M48 di Bahagian JKPTG yang mencadangkan pindaan perundangan	<p>1. Bertanggungjawab dalam:-</p> <p>(i) Merancang jadual penyediaan PKPTG bermula dengan fasa libat urus dengan pemegang taruh sehingga tandatangan PKPTG;</p> <p>(ii) Mengumpul, menganalisa isu dan kaedah penyelesaian yang dibangkitkan.</p> <p>2. PCP merupakan pegawai penghubung utama bagi pihak pengurusan atasan JKPTG mengenai semua maklum balas dan status penyediaan PKPTG.</p> <p>3. PCP bersama PSP bertanggungjawab dalam penggubalan PKPTG berasaskan input-input libat urus bagi penyediaan Kertas Pertimbangan kepada TKPTG-TPTG dan PTM.</p>

Jadual 1: Key Person dan Tanggungjawab

Proses Kerja Tipikal Pindaan Perundangan

- 1.15. Gambar rajah di **Lampiran C** adalah ringkasan keseluruhan proses penyediaan pekeliling.
- 1.16. Mana-mana Bahagian JKPTG boleh mencadangkan untuk mengeluarkan satu PKPTG yang akan memberikan kesan secara langsung kepada Akta 828. Permasalahan yang boleh melibatkan pengeluaran sesuatu pekeliling adalah merujuk kepada perkara-perkara yang memenuhi elemen di perenggan 1.5.
- 1.17. Setelah urusan libat urus dengan pemegang taruh telah dilaksanakan dan telah selesai, Bahagian yang mencadangkan sesuatu pekeliling tersebut perlulah melaksanakan tindakan gubalan pekeliling bersama BDK terlebih dahulu mengikut format pekeliling dalam garis panduan ini sebelum ia dihantar kepada Peguam Kanan Persekutuan, JKPTG.
- 1.18. Setelah pandangan Peguam Kanan Persekutuan telah diperolehi, Bahagian yang mencadangkan pekeliling tersebut perlu menyediakan Kertas Pertimbangan TKPTG-TPTG dan setelah dipersetujui maka disediakan Kertas Pertimbangan PTM.
- 1.19. Setelah kelulusan PTM diperolehi, draf pekeliling tersebut dihantar kepada BDK bagi membolehkan pekeliling tersebut ditandatangani oleh KPTG. Setelah pekeliling tersebut ditandatangani oleh KPTG, pekeliling tersebut akan dimuat naik dalam laman web JKPTG oleh BDK dan pekeliling itu diedarkan kepada pentadbiran tanah atau mana-mana pihak berkaitan oleh Bahagian yang mencadangkan pekeliling tersebut.

BAHAGIAN 2: PERSETUJUAN PEKELILING

Peringkat Persetujuan

2.1. Setiap cadangan PKPTG memerlukan persetujuan dasar pada peringkat yang berbeza bagi mengambil kira aspek pelaksanaan dan aspek dasar. Di bawah ini adalah peringkat-peringkat yang perlu dirujuk bagi memperoleh persetujuan dasar bagi sesuatu pindaan perundangan:—

PINDAAN	PERINGKAT
Persetujuan aspek-aspek pelaksanaan dan pengoperasian PKPTG dalam Pentadbiran Tanah Negeri	TKPTG-TPTG
Persetujuan aspek-aspek dasar dan juga mengambil maklum persetujuan aspek-aspek pelaksanaan dan pengoperasian yang telah dibincangkan dalam TKPTG-TPTG	PTM

Jadual 2: Peringkat Kelulusan PKPTG.

Penyediaan Draf Pekeliling dan Kertas Kerja TKPTG-TPTG / PTM

- 2.2. Setelah urusan-urusan libat urus telah selesai, draf PKPTG perlu merangkumi perkara-perkara yang ingin disampaikan seperti di **Lampiran A**.
- 2.3. Setelah urusan pengubalan draf pekeling, kertas kerja TKPTG-TPTG seperti di **Lampiran B** dan kertas kerja PTM seperti **Lampiran C** perlu disediakan bagi tujuan persetujuan.

Persetujuan Pekeliling


- 2.4. TKPTG-TPTG akan memberikan persetujuan draf PKPTG dari segi kebolehlaksanaan dan implikasi operasi atau penyelarasan pentadbiran tanah yang perlu diadaptasikan. Jika TKPTG-TPTG tidak bersetuju dengan cadangan maka Bahagian yang mencadangkan PKPTG tersebut perlu melaksanakan tindakan libat urus semula atau boleh mengambil keputusan untuk tidak meneruskan pekeling tersebut. Jika TKPTG-TPTG telah bersetuju maka draf pekeling akan dibentangkan dalam PTM.

- 2.5. Dalam PTM pula persetujuan draf PKPTG diberikan dalam bentuk dasar dan penerimaan oleh Pentadbiran Tanah Negeri. Elemen-elemen pelaksanaan atau operasi tidak dibincangkan secara mendalam memandangkan perkara ini telah dibincangkan dalam TKPTG-TPTG. Jika draf pekeliling tersebut dipersetujui maka ia akan diangkat kepada KPTG untuk tandatangan dan edaran serta pemakaian oleh semua Pentadbiran Tanah Negeri. Jika Mesyuarat PTM tidak bersetuju dengan draf tersebut maka cadangan pekeliling tersebut tidak akan dirundingi semula kecuali diberikan arahan PTM yang bertentangan.
- 2.6. Pekeliling yang telah dipersetujui dalam PTM akan diangkat kepada KPTG untuk ditandatangani dan diedarkan untuk pemakaian keseluruhan oleh Pentadbiran Tanah Negeri.

BAHAGIAN 3: PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

- 3.1. Pemakaian garis panduan ini adalah berkuat kuasa serta merta.
- 3.2. Sebarang perubahan kepada garis panduan ini akan dimaklumkan dan dikemaskinikan dari semasa ke semasa.

17



(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

22 Jun 2022


LAMPIRAN-LAMPIRAN

LAMPIRAN A
Senarai Undang-undang di Bawah Portfolio dan Kawalan JKPTG
[Mengikut Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 (Perintah Menteri
Kerajaan-kerajaan Persekutuan (Akta No.2)]

| A-1

Kanun Tanah Negara (Disemak 2020) [Akta 828];
Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 [Akta 349];
Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318];
Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98];
Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486];
Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan)
1967 [Akta 793];
Akta Pelantar Benua 1966 [Akta 83];
Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385].

LAMPIRAN B:
Gambar Rajah Rangka Kerja Utama Penyediaan Pekeliling



MULA

SEMAKAN KEPERLUAN PENYEDIAAN PKPTG

Bahagian mengenalpasti perkara yang memerlukan penyediaan PKPTG berasaskan laporan / arahan / mesyuarat / aduan / masalah perundangan / libat urus

PERANCANGAN PENYEDIAAN PKPTG

Bahagian menyediakan pelan pelaksanaan yang telah dipersetujui di peringkat **Sektor**

URUSAN PENYEDIAAN / KAJIAN DAN LIBAT URUS DENGAN PEMEGANG TARUH

Bahagian mengambil tindakan-tindakan bagi menghasilkan pekeliling

URUSAN GUBALAN DRAF PEKELILING


Bahagian menyediakan draf pertama PKPTG bersama **BDK** dan **PKP JKPTG**

PEMBENTANGAN DALAM MESYUARAT TKPTG-TPTG

Bahagian membentangkan draf di dalam mesyuarat TKPTG-TPTG

PEMBENTANGAN DALAM MESYUARAT PTM

Bahagian membentangkan draf di dalam mesyuarat PTM



PENYEDIAAN DRAF AKHIR PEKELILING

Bahagian mengemukakan draf akhir pekeliing kepada **BDK** untuk semakan lanjut dan urusan format

TANDATANGAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

BDK mengangkat draf pekeliing untuk ditandatangani oleh **KPTG**

PENGEDARAN DAN PEMAKLUMAN KEPADA PENTADBIRAN TANAH NEGERI

Bahagian mengedarkan pekeliing kepada pentadbiran tanah negeri

PEMAKAIAN PEKELILING OLEH PENTADBIRAN TANAH NEGERI

TAMAT

LAMPIRAN C
Draf Memo Bagi Urusan Penggubalan Draf Pekeliling

MEMO

No. Fail: JKPTG/

Tarikh: / /2022

Perkara	MEMOHON KERJASAMA PENGGUBALAN CADANGAN DRAF PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BAGI PERKARA	
Kepada	PBDK	s.k. TKPTG; PKP, JKPTG; Fail
Daripada	PENGARAH BAHAGIAN YANG MENCADANG	

| C-1

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian telah bercadang untuk menyediakan satu Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan berkaitan perkara

3. **[Bahagian dipohon memberikan alasan dan justifikasi]**

4. Dipohon kerjasama daripada pihak BDK untuk membantu dalam menyemak draf pekeling yang telah disediakan oleh Bahagian sebelum diangkat kepada pihak Peguam Kanan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

(PENGARAH BAHAGIAN YANG MENCADANG)

Kertas Kerja PTM [no. kertas]/[bil. mesyuarat]/2009

SULIT

| D-1

[TAJUK]

Oleh:
Bahagian JKPTG

TUJUAN

1. Kertas ini bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan dan persetujuan Mesyuarat Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian – Timbalan Pengarah Tanah dan Galian / Pengarah-Pengarah Tanah Malaysia mengenai cadangan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan berkaitan.....

LATARBELAKANG

2. Latar belakang isu dan kenapa keperluan diwujudkan pekeling tersebut.

ASAS PERTIMBANGAN

3. Nyatakan kedudukan peruntukan dalam Akta 828 dan perundangan berkaitan.
4. Nyatakan cadangan dan ulasan daripada perancangan libat urus yang telah dilaksanakan.
5. Perkara-perkara yang hendak dimaklumkan dalam pekeling dalam bentuk jadual atau kaedah lain.
6. Lampirkan draf pekeling.


SYOR

7. Mesyuarat Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian – Timbalan Pengarah Tanah dan Galian / Pengarah-Pengarah Tanah Malaysia dengan ini dipohon menimbang dan memperakukan cadangan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan berkaitan.....

SULIT

**LAMPIRAN E:
FORMAT PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN
PERSEKUTUAN**

| E-1



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan /2022**

TAJUK PEKELILING

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Putrajaya
2022**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2022

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan /2022
Disediakan oleh	Bahagian..... Sektor..... Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya.
Telefon	
Faks	
E-mel	
Kategori dokumen	Terbuka/ Terhad
Tarikh kuat kuasa	

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN
PERSEKUTUAN
BILANGAN /2022**

Tajuk Pekeliling

TUJUAN

| E-3

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati semua Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengenai

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Boleh dinyatakan latarbelakang, perkara-perkara utama yang hendak dimaklumkan atau hendak dilaksanakan atau aspek-aspek penyeragaman.

Jika ada contoh catatan endorsmen dicadangkan dinyatakan seperti berikut:-

"Telah dibandingkan dengan surat kuasa wakil salinan pejabat / surat kuasa wakil asal pada hb.
20..... dan didapati sama

Pendaftar Hakmilik / Pentadbir Tanah."

Jika ada contoh jadual dalam pekeling boleh dinyatakan seperti berikut:-

Tajuk	Tajuk	Tajuk
Perkara	Perkara	Perkara

Jadual 1 :

PEMBATALAN

9. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan x Tahun xxxx bertajukadalah dibatalkan.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

()

KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN

No. Fail : Fail Bahagian yang menghasilkan Pekeliling

Tarikh :

TAJUK JADUAL

No. Fail	Keterangan dan Bil. Hakmilik	Mukim	Nama Tuan Tanah

E-5

NOTA:

1. Tulisan dalam *Font: Arial, Size: 12, Spacing Before and After: 0 pt dan Line spacing: Single.*

EDITORIAL PANDUAN PINDAAN PERUNDANGAN

Panduan Pindaan Perundangan ini disediakan dan diselaraskan oleh pegawai-pegawai di bawah:-

Gs. Muhammad Yazrin bin Yasin,
Pengarah Bahagian Dasar dan Konsultasi;

Anesh a/l Ganason,
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dasar dan Konsultasi;

Ahmad Hamidi bin Mohamed,
Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dasar dan Konsultasi;

Mohammad Fadzli bin Md.Ali,
Penolong Pengarah Bahagian Dasar dan Konsultasi;

Yati binti Musa,
Penolong Pengarah Bahagian Dasar dan Konsultasi;

Afiq Farhan bin Abdul Rahim,
Penolong Pengarah Bahagian Dasar dan Konsultasi.